

**SULIT**  
**1249/2**  
**SEJARAH**  
**KERTAS 2**  
**NOVEMBER**  
**2001**  
**2 JAM**

**1249/2**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**  
**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**  
**CAWANGAN TERENGGANU**  
**DENGAN KERJASAMA**  
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2001**

**TINGKATAN EMPAT**

---

---

**SEJARAH**

**KERTAS 2**

**Dua jam**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*Arahan*

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 8 soalan.*
- 2. Jawab empat soalan sahaja.*

---

**Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak**

1249/2 © 2001 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

**[Lihat sebelah**  
**SULIT**

Jawab mana-mana empat soalan

- 1 (a) Mengapakah tamadun awal manusia dikatakan bermula pada zaman Neolitik. (10 m)
- (b) Tamadun Yunani dan Rom telah mencapai tahap yang lebih kompleks dalam pelbagai aspek. (09 m)
  - (i) Huraikan sumbangan tamadun Rom dalam bidang teknologi. (09 m)
  - (ii) Bagaimanakah sistem demokrasi diamalkan di Yunani. (06 m)

2 Hijrah Nabi Muhammad s.a.w. telah berlaku pada 1 Rabiulawal bersamaan 12 September 622 M.

- (a) Apakah faktor-faktor penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. dari kota Makkah ke Madinah. (05 m)
- (b) Apakah perubahan-perubahan penting yang berlaku selepas Hijrah Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah. (14 m)
- (c) Orientalis Barat menganggap kegiatan ketenteraan menerusi mata pedang sebagai satu cara berkesan menyebarkan Islam. Kemukakan bukti-bukti bagi menolak anggapan di atas. (06 m)

3 Tamadun Islam telah berkembang dengan pelbagai tamadun dunia sejak awal perkembangan lagi. Jelaskan kesan-kesan daripada pertembungan tamadun tersebut. (10 m)

- (b) Islam juga telah membawa sinar baru di Asia Tenggara. Huraikan kesan-kesan kedatangan Islam di Asia Tenggara dalam bidang politik dan pendidikan. (15 m)

4 Hasil daripada perkembangan intelektual di Eropah pada kurun ke 15 dan 16 telah melahirkan dua perkembangan penting iaitu "Renaissance" dan "Reformation". (05 m)

- (a) Apakah yang anda faham dengan "Renaissance" dan "Reformation"? (05 m)
- (b) Bincangkan faktor-faktor lain selain daripada perkembangan intelektual yang mendorong kepada berlakunya "Renaissance" serta sumbangannya. (10 m)
- (c) Huraikan isu-isu perjuangan Martin Luther dalam gerakan Reformasi di Eropah. (10 m)

- 5 Britain merupakan negara pertama yang mengalami Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian.
- (a) Bincangkan faktor-faktor yang membawa kepada teretusnya Revolusi Perindustrian di Britain pada kurun ke-18? (10 m)
- (b) Jelaskan kesan-kesan Revolusi Perindustrian ke atas masyarakat Eropah. (15 m)
- 6 (a) Terangkan faktor-faktor yang membantu kuasa-kuasa Barat untuk menguasai ekonomi Asia Tenggara. (12 m)
- (b) Imperialisme Barat telah meninggalkan banyak kesan di Asia Tenggara. Jelaskan perubahan-perubahan dalam bidang ekonomi dan sosial yang diperkenalkan oleh kuasa-kuasa Barat di Asia Tenggara. (13 m)
- 7 Antara intipati perjuangan nasionalisme ialah mewujudkan kebebasan dan maruah seseorang serta menentukan nasib dan masa depan sesebuah bangsa dan negara.
- (a) Dalam konteks Asia Tenggara, apakah yang anda faham dengan maksud Nasionalisme? (05 m)
- (b) Huraikan faktor-faktor yang membawa kepada kebangkitan nasionalisme di Asia Tenggara. (10 m)
- (c) Bincangkan ciri-ciri persamaan gerakan nasionalisme peringkat awal di Asia Tenggara. (10 m)
- 8 (a) Bincangkan ciri-ciri Negara Dunia Ketiga. (12 m)
- (b) Jelaskan perkara-perkara yang menghalang pembangunan Negara-Negara Selatan. (13 m)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

